

Keberkesanan Strategi Rukun Tetangga (RT) dalam Memupuk Kesepaduan Sosial dalam kalangan Masyarakat Pelbagai Etnik di Tanjung Malim Perak

Mohd Syariefudin Abdullah¹, Syed Salman Al-Yahya Syed Sagar², Nur Azah Razali³

^{1,2}Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim PERAK.

²Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum. Universiti Tun Hussin Onn Malaysia, 84600 Pagoh JOHOR.

*syariefudin@fsk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2022.03.01.014>

Received 29 December 2021; Accepted 15 Mac 2022; Available online 30 June 2022

Abstrak: Kajian ini menjelaskan tentang impak strategi Rukun Tetangga (RT) dalam memupuk kesepaduan sosial melalui strategi yang digariskan oleh RT di Tanjung Muallim, Perak. Kajian ini fokus kepada strategi-strategi yang digunakan oleh Rukun Tetangga (RT) dalam memupuk kesepaduan sosial dan mencadangkan strategi terbaik rukun tetangga dalam memupuk kesepaduan sosial dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Terdapat 12 strategi yang digunakan oleh KRT berdasarkan kepada Buku Pengurusan RT 2013. Hasil dapatan menunjukkan semua strategi yang dibawa dalam RT memberikan kesan baik kepada kesepaduan sosial dengan nilai kategori tinggi dan sederhana. Antara strategi yang berkesan membentuk kesepaduan sosial mengikut nilai min adalah strategi sosial (4.63), sukan (4.56), patriotik (4.38), kesenian dan kebudayaan (4.04), pendidikan (3.98), kebajikan (3.88) dan rekreasi (3.74). Lain-lain strategi adalah strategi ekonomi, kesihatan dan alam sekitar, agama, keselamatan dan pendampingan sosial yang mana berada di tahap nilai min yang sederhana. Dari segi pola etnik tidak menunjukkan jurang perbezaan peratus yang besar antara etnik yang dikaji. Kebanyakan strategi adalah di tahap positif tinggi iaitu berada di atas 70 peratus untuk semua etnik Melayu, Cina dan India bagi strategi sosial, sukan, patriotik, kesenian dan kebudayaan, pendidikan, kebajikan dan akhir sekali strategi rekreasi. Sementara strategi lain menunjukkan pola peratusan yang rendah (bawah 50 peratus) dan sederhana (51 hingga 70 peratus).

Kata kunci: Rukun Tetangga (RT), Kesepaduan sosial, Etnik

Abstract: This study explains the impact of Rukun Tetangga (RT) strategy in fostering social cohesion through the strategy outlined by RT in Tanjung Muallim, Perak. This study focuses on the strategies used by Rukun Tetangga (RT) in fostering social cohesion and suggests the best RT strategies in fostering social cohesion in the area of RT. There are 12 strategies used by KRT based on the RT Management Book 2013. The findings show that all the strategies brought in RT have a good effect on social cohesion with impact of high and medium min values. Among the strategies that effectively form social cohesion according to mean values are social strategy (4.63), sports (4.56), patriotic (4.38), arts and culture (4.04), education (3.98), welfare (3.88) and recreation (3.74). Other strategies are economic, health and environmental, religious, security and mediation which are at a moderate mean value level. In terms of ethnic patterns did not show a large percentage difference gap between the ethnicities studied. Most of the strategies are at a high positive level which is above 70 percent for all ethnic Malays, Chinese and Indians for social strategies, sports, patriotism, arts and culture, education, welfare and finally recreational. While other strategies show a pattern of low (below 50 percent) and moderate (51 to 70 percent) percentages.

Keywords: Rukun Tetangga (RT), Social Cohesion, Ethnic

1. Pengenalan

Keunikan Malaysia adalah kerana mempunyai masyarakat yang berbilang etnik. Kepelbagaian ini menjadi unik dan indah kerana setiap etnik mengekalkan adat resam dan budaya yang diamalkan oleh etnik masing-masing semenjak zaman berzaman. Namun begitu, menguruskan masyarakat yang pelbagai bukanlah mudah. Ia menuntut keazaman dan kesanggupan masyarakat berkenaan untuk saling menerima perbezaan. Justeru, perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbeza adalah kunci kepada keharmonian masyarakat di Malaysia. Pelbagai program telah dilaksanakan dari peringkat atas hingga ke bawah bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara mereka yang berbeza ras dan identiti untuk sama-sama menyemaikan nilai keharmonian dalam masyarakat. Dalam situasi ini Kesepaduan adalah merupakan satu perkara yang penting yang perlu dibina untuk mencapai perpaduan dalam masyarakat. Antara institusi yang banyak membawa program ini adalah Rukun Tetangga (RT). Program di kawasan RT kini adalah berada di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Kementerian Perpaduan.

2. Konsep Etnik dan Etnisiti

Secara umum konsep etnik dapat dimengertikan sebagai satu kelompok masyarakat yang berkongsi ciri-ciri yang sama dari aspek ras, budaya, agama, adat resam dan sebagainya. Kebiasaannya dalam satu etnik mereka mempunyai ikatan hubungan yang kuat. Menurut Mansor (2010) menyatakan bahawa konsep etnik mempunyai hubungan dengan konsep ras dan bangsa yang akhirnya mewujudkan perkongsian nilai yang sama atau hampir sama [11]. Nilai ini menghasilkan identiti kelompok etnik tertentu yang secara tidak langsung membahagikan masyarakat dengan kumpulan etnik yang berbeza (Hamidah, Norlin dan Shah; 2009) [8]. Kumpulan etnik yang berbeza ini memerlukan kita untuk memahami kerencaman hubungan tersebut. Menurut Mansor (2010) beliau mengatakan bahawa dengan memahami kedinamikan hubungan etnik di antara etnik Melayu dan Cina di Malaysia kita dapat mengenalpasti pola, bentuk, perubahan dan masalah dalam kalangan pelbagai etnik di Malaysia [11].

Konsep etnisiti secara umum adalah merujuk kepada sikap kekitaan yang dimiliki oleh sesebuah etnik tersebut lebih selesa untuk bergaul dengan kelompok etnik mereka. Menurut Hamidah, Norlin dan Shah (2009) menyatakan bahawa etnisiti adalah rangkuman tentang perkongsian, norma, nilai, keutamaan dalam kumpulan, ketaatan dan menyenangi kelompoknya sendiri [8]. Menurut Barth (1998) konsep etnik dan etnisiti adalah berkaitan dengan suatu kelompok masyarakat yang mempunyai elemen kebudayaan sebagai identiti khususnya dalam bentuk simbol-simbol dan menunjukkan danya batas-batas soial etniknya dengan etnik lain dalam interaksi [4].

3. Konsep Kesepaduan Sosial

Perpaduan yang diinginkan semenjak tahun 1971 lagi masih belum tercapai dan sehingga kini masih terdapat slogan-slogan yang digunakan seperti slogan perpaduan nasional, integrasi nasional, bangsa Malaysia dan 1Malaysia yang mana slogan ini digunapakai untuk membuka minda masyarakat supaya bersatu padu dan membentuk perpaduan antara satu sama lain (Shamsul Amri Baharuddin, 2014). Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2014), kemakmuran ekonomi, kestabilan politik dan keharmonian hubungan antara etnik yang dicapai itu sebenarnya bukanlah perpaduan akan tetapi kesepaduan sosial yang mana masyarakat bersatu atas sebab faktor-faktor tertentu seperti kepentingan dalam ekonomi, politik dan sosial [17]. Oleh itu, kesepaduan sosial merupakan pra-syarat sebelum tercapainya perpaduan.

Menurut Jane Jenson (1998), kesepaduan sosial digunakan untuk menggambarkan proses yang mana masyarakat ada rasa komited, bertanggungjawab dan keinginan untuk hidup bersama dengan harmoni [7]. Hal ini demikian kerana, suatu keadaan yang aman dan sejahtera dalam kalangan masyarakat mampu dibentuk dengan adanya kesepaduan sosial yang mana masyarakat saling tolak ansur dan toleransi dalam semangat akomodasi (Shamsul Amri Baharuddin, 2014) [17]. Akomodasi merupakan satu proses yang mana memerlukan kerjasama antara dua atau lebih pihak yang mempunyai perbezaan matlamat untuk membentuk satu matlamat yang boleh memuaskan hati pihak-pihak tersebut (Hamidah, Norlin & Shah, 2009) [8].

Walaupun dalam kalangan masyarakat sudah terbentuk kesepaduan sosial tetapi perpaduan tetap menjadi satu konsep dan perkara yang masih dipegang sehingga kini dan konsep tersebut tidak mungkin akan diabaikan selagi tidak terbentuk satu bangsa yang sanggup meninggalkan perbezaan demi mencapai perpaduan yang diimpikan. Era kesepaduan sosial dalam Negara ini bermula selepas peristiwa 13 Mei 1969 di mana selepas kejadian ini segala dasar yang diwujudkan adalah berfokuskan perpaduan (Shamsul Amri; 2012) [16]. Begitu juga dengan RT diwujudkan untuk memastikan hasrat kesepaduan sosial ini menjadi realiti. Oleh itu, kesepaduan sosial adalah merentas pelbagai dasar dan program yang diturunkan oleh kerajaan.

4. Rukun Tetangga

Rukun Tetangga merupakan program yang dijalankan untuk memberikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan terhadap sesebuah kawasan disamping mencapai kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Menurut Abd Hadi dan Norwahidah (2013) menyatakan Rukun Tetangga merupakan skim yang menjadi pengelola kepada

program-program kemasyarakatan dalam sesebuah kawasan dan merupakan salah satu medium untuk menggalakkan masyarakat berbilang etnik ini berinteraksi dan bersosial [1].

RT juga ada memperkenalkan kelompok komuniti yang menjadi cawangan kepada program RT yang dijalankan seperti jiran wanita, jiran muda, jiran usia emas dan tunas jiran [1]. Bidang aktiviti yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga merangkumi bidang sosial, sukan, kesihatan dan alam sekitar, rekreasi, keselamatan, kebajikan, agama, pendidikan, ekonomi, kesenian dan kebudayaan, patriotik dan pendampingan sosial yang mana kesemua bidang ini dilaksanakan adalah untuk membantu masyarakat membina hubungan yang erat dan memupuk kesepaduan sosial [1].

Konsep Rukun Tetangga yang dijalankan adalah berbeza mengikut fasa yang mana sehingga kini terdapat 4 fasa yang dilaksanakan selaras mengikut peredaran keperluan semasa. Pada fasa pertama iaitu pada tahun 1975 membawa konsep keselamatan dan fasa kedua iaitu pada tahun 1984 pula membawa konsep kejiranan sebagai usaha meningkatkan semangat kejiranan dan perpaduan setempat (JPNIN, 2016) [10]. Fasa ketiga pula adalah pada tahun 2001 yang mana menfokuskan kepada pembangunan komuniti dan fasa keempat adalah pada tahun 2010 dimana konsep yang dibina adalah model transformasi Rukun Tetangga (JPNIN, 2016) [10]. Model transformasi Rukun Tetangga ini berfokus kepada pelaksanaan program dan aktiviti yang berlandaskan lima teras iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup sebagai usaha melahirkan masyarakat berbilang kaum yang hidup dalam keadaan aman dan sejahtera (JPNIN, 2016) [10].

Akta Rukun Tetangga 2012 juga telah digubal serta dikuatkuasakan pada 22 Jun 2012 dan mempunyai fungsi dan tugasnya yang tersendiri mengikut Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012 (JPNIN, 2016). Antara fungsi dan tugas yang telah termaktub adalah seperti :

Untuk menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di dalam kalangan masyarakat, untuk menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada pengarah, untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana, untuk menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat dan untuk menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh ketua pengarah dari semasa ke semasa.

(Sumber: Akta Rukun Tetangga 2012, 2019) [2]

Antara program yang dijalankan dibawah program RT adalah seperti skim rondaan sukarela yang bertujuan untuk membantu pihak berkuasa membendung dan mengawal kegiatan jenayah dan gejala sosial daripada berlaku secara berleluasa di sesebuah kawasan Rukun Tetangga (JPNIN, 2016) [10]. Skwad uniti juga merupakan salah satu program dibawah Rukun Tetangga yang mana penyertaannya adalah melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dalam menjalankan kegiatan khidmat komuniti (JPNIN, 2016) [10]. Selain itu, banyak lagi program-program yang dijalankan di bawah RT seperti mediator komuniti, kelab rukun negara, sekretariat rukun negara dan sebagainya.

Program-program ini dijalankan adalah untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat yang berbilang kaum dari pelbagai lapisan masyarakat agar lebih mesra antara satu

sama lain sekaligus mampu menyemai semangat kesepaduan dalam diri mereka dan membawa kepada perpaduan yang diimpikan. Menurut Buku Pengurusan RT 2013 secara tersusun pengurusan RT terdiri 12 aktiviti yang merupakan strategi RT untuk memupuk kesepaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai etnik. Antara strategi yang dimaksudkan adalah strategi sosial, sukan, patriotik, kesenian dan kebudayaan, pendidikan, kebajikan, rekreasi, ekonomi, kesihatan dan alam sekitar, agama, keselamatan dan pendampingan sosial (Gandesan, 2013) [6]. Dalam kajian ini strategi ini diukur impaknya kepada kesepaduan sosial dalam kalangan ahli RT di Tanjung Malim Perak.

5. Metodologi

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Kaedah kuantitatif adalah melibatkan kajian berbentuk tinjauan yang mana menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Sementara kaedah kualitatif menggunakan kaedah temu duga.

Populasi yang dipilih untuk kajian ini adalah masyarakat yang tinggal dalam kawasan KRT di Tanjung Malim dan sampel yang dipilih adalah seramai 227 orang terdiri daripada tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Kaedah persampelan yang digunakan untuk soal selidik ini adalah persampelan rawak mudah untuk mengelakkan berlaku bias yang tinggi pada hasil kajian yang diperolehi. Selain itu, pengkaji juga telah memilih ahli jawatankuasa RT yang terdapat di Tanjung Malim sebagai responden temu bual.

Istrumen kuantitatif yang digunakan dalam kajian yang dijalankan ini adalah melalui soal selidik. Selain itu kaedah temu bual pula dijalankan kepada beberapa orang ahli RT yang dijalankan secara semi-struktur. Dapatan soal selidik dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25.

Dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis secara diskriptif bagi mendapatkan taburan kekerapan, peratusan dan min. Tahap pengkelasan skor min yang digunakan adalah berdasarkan garis panduan skor min oleh Pallant (2001) [14]. Manakala bagi tahap peratusan pula, pengkaji menggunakan jadual pengelasan peratusan oleh Mohamad Najib (1999) [12].

Jadual 1: Garis panduan skor min

Skor min	Tahap
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2001) [14]

Jadual 2: Pengelasan peratusan

Peratusan	Tahap
71 hingga 100	Tinggi
50 hingga 70	Sederhana
0 hingga 49	Rendah

Sumber: Mohamad Najib (1999) [12]

Secara keseluruhannya prosedur pentadbiran soal selidik telah berjalan dengan baik dan dapat dianalisis di mana sebanyak 227 respon telah berjaya diperolehi untuk 3 etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India dianalisis dalam kajian ini.

6. Dapatan Kajian

6.1 Demografi Responden

6.1.1 Jantina Responden

Jadual 3 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi jantina responden ahli KRT di kawasan Tanjung Malim. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, seramai 115 orang responden bersamaan 51 peratus merupakan lelaki dan 112 orang responden bersamaan 49 peratus merupakan perempuan. Dapatan kajian ini menunjukkan jumlah responden lelaki lebih ramai berbanding responden perempuan dalam sekitar 2 peratus sahaja.

Jadual 3: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	115	51
Perempuan	112	49
Jumlah	491	100

6.1.2 Etnik Responden

Jadual 4 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi etnik responden ahli KRT di kawasan Tanjung Malim. Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan responden keseluruhan adalah seramai 227 orang responden di mana etnik Melayu adalah responden teramai sebanyak 43 peratus (98) daripada keseluruhan responden. Sementara etnik Cina dan India adalah menunjukkan peratusan responden yang tidak jauh bezanya iaitu sebanyak 29 peratus (65) dan 28 peratus (64) masing-masing.

Jadual 4: Etnik Responden

Etnik	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Melayu	98	43
Cina	65	29
India	64	28
Jumlah	227	100

6.1.3 Umur Responden

Jadual 5 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi etnik responden ahli KRT di kawasan Tanjung Malim. Dapatan menunjukkan bahawa umur responden yang paling ramai adalah antara 22 hingga 57 tahun seramai 57 peratus (128). Umur responden yang kedua teramai adalah umur 58 tahun ke atas sebanyak 26 peratus (60) dan umur antara 13 hingga 21 tahun paling rendah sebanyak 17 peratus sahaja (39).

Jadual 5: Etnik Responden

Umur	Kekerapan (f)	Peratus (%)
13 tahun hingga 21 tahun	39	17
22 tahun hingga 57 tahun	128	57
58 tahun dan keatas	60	26
Jumlah	227	100

6.1.4 Taraf Pendidikan Responden

Jadual 6 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi taraf pendidikan responden ahli KRT di kawasan Tanjung Malim. Secara umum data menunjukkan bahawa jumlah responden teramai adalah dari kelompok tahap pendidikan menengah atas iaitu sebanyak 44 peratus (101). Sementara taraf pendidikan menengah rendah adalah menyumbang kepada taraf pendidikan kedua teramai iaitu sebanyak 27 peratus (61). Sementara taraf pendidikan universiti, kolej atau politeknik dan tidak bersekolah menunjukkan jumlah peratusan terendah dengan jumlah peratus adalah sebanyak 8 peratus (20), 11 peratus (23) dan 10 peratus (22) masing-masing.

Jadual 6: Etnik Responden

Taraf Pendidikan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Sekolah Rendah / Tidak Bersekolah	22	10
Sek. Men. Rendah (SRP/PMR)	61	27
Sek. Men. Atas (SPM/STPM)	101	44
Kolej/Politeknik (Sijil/Diploma)	23	11
Universiti (Ijazah/Sarjana/PHD)	20	8
Jumlah	227	100

6.1.5 Pendapatan Isi Rumah Responden

Jadual 7 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi taraf pendidikan responden ahli KRT di kawasan Tanjung Malim. Secara umum data menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah responden adalah di tangga antara RM1001 hingga RM3859 iaitu sebanyak 46 peratus (105) yang dikategorikan sebagai kelompok B40. Kategori kedua teramai adalah pendapatan isi rumah RM1000 ke bawah sebanyak 30 peratus (67) yang dikategorikan sebagai miskin relatif. Akhir sekali adalah pendapatan isi rumah responden antara RM3860 hingga RM8319 iaitu sebanyak 24 peratus (55) yang dikategorikan dalam kelompok M40.

Jadual 7: Etnik Responden

Pendapatan Isi Rumah	Kekerapan (f)	Peratus (%)
RM 1000 dan ke bawah	67	30
RM 1001 hingga RM 3859	105	46
RM 3860 hingga RM 8319	55	24
Jumlah	227	100

6.2 Strategi Rukun Tetangga Dalam Memupuk Kesepaduan Sosial

Jadual 8 di bawah menunjukkan strategi yang digunakan oleh RT dalam memupuk kesepaduan sosial ahli KRT di kawasan Tanjung Malim. Secara umum data menunjukkan bahawa keseluruhan strategi yang digunakan dalam memupuk kesepaduan adalah positif iaitu berada di tahap tinggi dan sederhana. Skor min purata keseluruhan adalah 3.85 iaitu di tahap tinggi. Namun begitu, secara relatifnya di dapati strategi terbaik untuk memupuk kesepaduan sosial adalah melalui tujuh strategi yang disenaraikan merangkumi strategi sosial dengan nilai min 4.63, strategi sukan nilai min 4.56, strategi patriotik nilai min 4.38, strategi kesenian dan kebudayaan dengan nilai min 4.04, strategi pendidikan dengan nilai min 3.98, strategi kebajikan dengan nilai min 3.88 dan akhir sekali strategi rekreasi dengan nilai min 3.74. Sementara strategi-strategi lain menunjukkan dapatan yang sederhana dalam memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan ahli KRT.

Selain itu, secara umum dari segi pola strategi mengikut etnik pula didapati kesemua etnik ahli KRT di Tanjung Malim menunjukkan dapatan yang positif tinggi untuk kebanyakan strategi yang dikaji. Kebanyakan strategi adalah di tahap positif tinggi iaitu berada di atas 70 peratus untuk semua etnik Melayu, Cina dan India bagi strategi sosial, sukan, patriotik, kesenian dan kebudayaan, pendidikan, kebajikan dan akhir sekali strategi rekreasi. Sementara strategi lain iaitu strategi pendampingan sosial, agama, kesihatan dan alam sekitar dan strategi ekonomi menunjukkan pola rendah (bawah 50 peratus) dan sederhana (51 hingga 70 peratus). Oleh itu, analisis data yang diperolehi menunjukkan bahawa perbezaan antara etnik tidak ketara dalam menentukan pola kesepaduan sosial mengikut strategi.

Jadual 8: Strategi RT Dalam Memupuk Kesepaduan Sosial Mengikut Etnik (Peratus)

Item Jawapan sangat setuju / setuju sahaja	Etnik (Peratus)			Min / Tahap
	Melayu	Cina	India	
Strategi Sosial	96	94	95	4.63 Tinggi
Strategi Sukan	95	94	95	4.56 Tinggi
Strategi Patriotik	96	94	100	4.38 Tinggi
Strategi Kesenian dan Kebudayaan	94	94	94	4.04 Tinggi
Strategi Pendidikan	85	88	92	3.98 Tinggi
Strategi Kebajikan	84	71	81	3.88 Tinggi
Strategi Rekreasi	68	74	70	3.74

Strategi Ekonomi	62	52	70	Tinggi 3.65
Strategi Kesihatan dan Alam Sekitar	49	46	42	Sederhana 3.63
Strategi Agama	40	38	42	Sederhana 3.41
Strategi Keselamatan	33	29	31	Sederhana 3.13
Strategi Pendampingan Sosial	20	19	30	Sederhana 3.13
Purata skor min				3.85 Tinggi

7. Perbincangan

Antara strategi-strategi yang berjaya mencapai purata skor min yang tinggi berdasarkan dapatan kajian soal selidik adalah seperti strategi sosial, strategi sukan, strategi rekreasi, strategi kebajikan, strategi pendidikan, strategi kesenian dan kebudayaan serta strategi patriotik. Bagi strategi yang lain seperti strategi kesihatan dan alam sekitar, strategi keselamatan, strategi agama, strategi ekonomi dan strategi pendampingan sosial, purata skor min yang diperolehi adalah pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi ini, jelas menggambarkan bahawa masyarakat tanpa mengira etnik telah menyumbang kepada kesepaduan sosial melalui strategi yang telah digariskan melalui Buku Pengurusan RT 2013.

Bagi strategi yang mendapat peratusan yang tinggi daripada kesemua etnik yang dikaji serta skor min yang diperolehi adalah tinggi pula adalah sedikit berbeza dengan strategi yang mendapat purata skor min yang tinggi. Hal ini demikian kerana, antara strategi yang berjaya mencapai peratusan yang tinggi daripada kesemua etnik yang dikaji iaitu dari segi keaktifan menjalankan program dibawah strategi tersebut dan penglibatan masyarakat pelbagai etnik dalam program yang dijalankan adalah melalui strategi sosial, strategi sukan, strategi kesenian dan kebudayaan serta strategi patriotik sahaja. Skor min yang diperolehi melalui keempat-empat strategi tersebut juga adalah pada tahap yang tinggi untuk semua pernyataan yang dikemukakan.

Menurut Yam yang merupakan ahli RT menyatakan KRT memberi fokus kepada semua strategi akan tetapi bagi strategi yang dilihat lebih berkesan dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat akan diberikan fokus yang lebih mendalam dari segi penganjuran program-program dibawahnya [18]. Sebagai contoh, program sukan merupakan salah satu program yang mampu meningkatkan lagi semangat perpaduan nasional dalam kalangan masyarakat. Menurut Asmahanim Amir (2017), aktiviti sukan memang berupaya untuk dijadikan sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia [3].

Selain itu, Menurut Tan dalam temubual berkata program sambutan hari perayaan di bawah strategi sosial juga merupakan satu kemestian bagi pihak KRT untuk menganjurkannya bagi meningkatkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat [18]. Hal ini demikian kerana, melalui perayaan-perayaan besar seperti Hari Raya Aidilfitri, Sambutan Tahun Baru Cina dan Hari Deepavali mampu memberikan peluang kepada masyarakat untuk mempelajari budaya etnik lain disamping memperkukuhkan lagi semangat perpaduan dalam masyarakat

(Hazril Md.Nor, 2014) [9]. Begitu juga dengan penganjuran Sambutan Hari Kebangsaan yang membolehkan masyarakat untuk menyemai semangat patriotisme serta mengeratkan lagi perpaduan antara mereka (Sinar Harian, 2019) [15].

Sehubungan dengan itu, terdapat juga strategi yang dijalankan oleh RT yang hanya tinggi dari segi keaktifan menjalankan program daripada strategi tersebut tetapi penglibatan atau penyertaan masyarakat hanya sederhana sahaja. Sebagai contoh, strategi keselamatan yang mana dari segi keaktifan KRT menjalankan program Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah berada tahap yang tinggi akan tetapi penglibatan masyarakat pelbagai etnik adalah sederhana sahaja. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji berkaitan dengan strategi keselamatan ini, penglibatan masyarakat pelbagai etnik adalah rendah melalui pemerhatian yang dijalankan semasa SRS beroperasi. Oleh itu, penyertaan pelbagai etnik di masa depan adalah sangat diharapkan.

Di samping itu, terdapat juga KRT yang mempunyai masalah dalam menjayakan SRS ini dengan sebaik mungkin. Masalah ini telah dikemukakan oleh Tan yang mengatakan bahawa kekurangan peralatan dan kekurangan dana untuk membina pondok kawalan SRS menjadi punca kepada masyarakat tidak berminat untuk menyertai program SRS ini [18]. Menurut Chor Chee Hung, kurang kemudahan merupakan salah satu punca kepada tidak aktifnya program SRS dibawah KRT [5]. Jika program yang dijalankan dibawah sesebuah strategi tidak aktif, maka memang tidak hairanlah penglibatan masyarakat pelbagai etnik juga akan kurang.

Manakala bagi strategi yang sederhana dari segi sambutan penganjurannya adalah seperti strategi kesihatan dan alam sekitar, strategi rekreasi, strategi agama, strategi kebajikan, strategi ekonomi, dan strategi perdampungan sosial. Strategi ini mungkin kurang dijalankan oleh KRT di Tanjung Malim. Hal ini demikian kerana, jika program-program ini sering dijalankan sudah semestinya semua masyarakat tahu tentang pelaksanaannya dan sudah semestinya strategi-strategi ini mampu mencapai tahap yang tinggi dari segi keaktifan strategi tersebut. Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama Puan Yam, beliau mengatakan bahawa bukan KRT tidak mengadakan program-program dibawah strategi tersebut, akan tetapi pihak KRT cuma tidak menjadi penganjur sahaja kerana faktor kekurangan dana. Oleh itu, pihak KRT menjalankan program-program daripada strategi kesihatan dan alam sekitar, strategi rekreasi, strategi agama, strategi kebajikan, strategi ekonomi dan strategi pendampungan sosial ini dengan kerjasama pihak lain seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM), Klinik Kesihatan Tanjung Malim dan sebagainya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap program yang dijalankan oleh KRT mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada masyarakat berbilang etnik. Hal ini demikian kerana, hanya beberapa strategi sahaja yang mendapat tahap skor min sederhana bagi penglibatan masyarakat dalam program yang dijalankan oleh KRT berdasarkan soal selidik yang diedarkan iaitu melalui strategi agama, keselamatan dan perdampungan sosial. Pihak KRT mungkin perlu memperbaiki pengisian program daripada strategi RT yang hanya berada pada tahap sederhana sahaja dari segi penglibatan masyarakat pelbagai etnik ini.

Misalnya, melalui strategi perdampungan sosial yang mana masyarakat di Tanjung Malim memang sukar untuk mengenal pasti program yang dijalankan oleh KRT dibawah strategi perdampungan sosial. Masalah sukar untuk mengenalpasti program dibawah strategi perdampungan sosial ini dikenalpasti oleh pengkaji sewaktu mengedarkan borang soal selidik apabila ahli KRT di Tanjung Malim ini bertanya-tanya tentang strategi tersebut dan program

yang dijalankan untuk memenuhi strategi itu. Menurut Nurwahida (2019), penambahbaikan perlulah dilaksanakan terhadap strategi-strategi yang kurang memberikan impak kepada masyarakat agar KRT boleh menjadi satu badan yang masih relevan dalam komuniti dalam mencapai matlamatnya iaitu membentuk perpaduan dan kesepaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik [13].

8. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, impak daripada strategi yang dijalankan oleh RT memang dilihat berjaya membentuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, keaktifan atau kekerapan RT dalam menjalankan sesuatu program berdasarkan strategi yang telah ditetapkan bukanlah satu pengukur kepada keberkesanan dalam memupuk perpaduan atau kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana, sekiranya strategi yang dijalankan tersebut tiada penglibatan daripada masyarakat pelbagai kaum, memang sudah pasti untuk menerapkan semangat perpaduan atau kesepaduan sosial tidak akan berjaya. Sebenarnya, penglibatan semua masyarakat berbilang etnik dalam sesebuah program adalah sangat penting kerana objektif penubuhan KRT itu sendiri adalah untuk membentuk perpaduan. Setiap KRT perlu mencari cara untuk menarik minat masyarakat pelbagai ras dan etnik untuk turut sama dalam setiap strategi yang dirancang agar kesepaduan sosial boleh dibentuk dan tidak timbul istilah dominasi satu kaum sahaja terhadap program yang dijalankan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas dukungannya sehingga tulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] Abd Hadi Mohd Salleh & Norwahidah Zainal Abidin. (2013). *Panduan Pengurusan Rukun Tetangga*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Komuniti JPNIN.
- [2] Akta Rukun Tetangga 2012. (2019, Mei 18). Diperoleh daripada http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20120622_751_BM_Akta%20751%20B M.pdf.
- [3] Asmahanim Amir. (19 April 2017). Sukan kukuhkan perpaduan kaum. *Portal berita UKM*. Diperoleh dari http://www.ukm.my/news/Latest_News/sukan-kukuhkan-perpaduan-kaum/
- [4] Barth, F. (Ed.) (1969). *Ethnic Groups and Boundaries: The Social Organization of Culture Difference: [essays pres at a Symposium Held at Bergen, Norway, 23rd to 26th February 1967]*. Little, Brown & Company.
- [5] Chor Chee Hung. AJK Rukun Tetangga Tanjung Malim. Temuramah pada 20 November 2019.
- [6] Gandesan a/l Letchumanan. (2013). *Buku Pengurusan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Masyarakat, JPNIN.
- [7] Jenson, J. (1998). *Mapping social cohesion: The state of Canadian research*. Ottawa: Canadian Policy Research Networks.

- [8] Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad & Shah Rollah Abdul Wahab. (2009). *Konsep-konsep asas hubungan etnik*. Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM Press..
- [9] Hazril Md.Nor. (21 Oktober 2014). Simpul erat tali persaudaraan. *Harian Metro*. Diperoleh dari <https://www.hmetro.com.my/node/3141>.
- [10] Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2016). Diperoleh daripada <https://www.perpaduan.gov.my/ms/komuniti/rukun-tetangga/pengenalan>
- [11] Mansor Mohd. Noor. (2010). Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara. *DEMOKRASI*, 9 (2), 185–207.
- [12] Najib, M. (1999). Penyelidikan pendidikan. *Edisi Pertama*. Universiti Teknologi Malaysia: Johor.
- [13] Norwahida Yamaluddin. (29 Januari 2019). RT terus relevan dalam komuniti. *Utusan Borneo Online*. Diperolehi dari <https://www.utusanborneo.com.my/2019/01/29/rt-terus-relevan-dalam-komuniti>.
- [14] Pallant, J. (2001). *SPSS survival guide*. Australia: Allen & Urwin.
- [15] Tan Yik Foon, Bendahari Rukun Tetangga Tg Malim. Temuramah pada 20 November 2019.
- [16] Perpaduan, semangat patriotisme rakyat tidak pernah luntur. (31 Ogos 2019). *SinarHarian*. Diperolehi dari <https://www.sinarharian.com.my/article/45771/BERITA/Nasional/Perpaduansemangat-patriotisme-rakyat-tidakpernah-luntur>.
- [17] Shamsul Amri Baharuddin. (2014). *Perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan: Satu negara, satu kata akar, tiga konsep keramat*. Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman. (ms.19-21). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [18] Yam Binti Abdul Hamid. AJK Rukun Tetangga Tg Malim. Temuramah pada 20 November 2019.